

150 peserta bersaing dalam *Mini Explorace*

SEREMBAN 30 Nov. - Seramai 150 peserta menyertai pertandingan *Mini Explorace* yang dianjurkan oleh Kumpulan Utusan bersempena Pesta Konvokesyen Ke-11 di sekitar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dekat sini hari ini.

Pengurus Pemasaran Wilayah Tengah Jabatan Pemasaran Utusan Melayu (Malaysia) Bhd., Rosman Zulkifli memberitahu, program yang pertama kali diadakan di universiti itu bermula kira-kira pukul 3 petang mendapat sambutan menggalakkan daripada kakitangan serta pelajar.

"*Mini Explorace* ini berkonsepkan permainan yang mana para peserta akan menempuh pelbagai halangan selain mereka diuji daripada segi mental dan fizikal bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

"Apa yang dapat kita lihat sambutan program ini biarpun kali pertama kita anjurkan di sini, cukup menggalakkan dan kita

Pesta
KONVO
Utusan Mingguan USIM
kali ke-11, 2013

berhasrat untuk meneruskan program ini pada masa depan," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia*.

Dalam pada itu juara bagi pertandingan berkenaan dimenangi kumpulan *Losser* dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000, medal tajaan 100 Plus, hamper dari tajaan Maggi dan barangan eksklusif dari pihak Kumpulan Utusan.

Kumpulan *Monang Besar* berjaya menduduki tempat kedua dengan hadiah wang tunai RM700, medal, hamper serta hadiah iringan lain manakala *The Lapis* sekadar berpuas hati di tempat ketiga.



PARA peserta diberi penerangan oleh urusetia Kumpulan Utusan (kanan) sebelum memulakan pertandingan *Mini Explorace* di tapak Pesta Konvokesyen USIM Ke-11 di Seremban, Negeri Sembilan, semalam.